

Laporan audit mula disiasat

Libatkan 13 kementerian, jabatan

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

KUALA LUMPUR, Selasa — Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara akan memulakan siasatan ke atas 13 kementerian dan jabatan mengenai pengurusan wang rakyat dan akaun-akaun yang tidak teratur berasaskan laporan Ketua Audit Negara 1977, mulai esok.

Dalam urusan 16 hari itu, pegawai-pegawai yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Setua Jabatan akan memberi penjelasan serta keterangan kepada soalan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut.

Kementerian dan jabatan terlibat ialah Perbendaharaan, Jabatan Akauntan Negara, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pertanian, Kementerian Penerangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kerjasama dan Kemudahan Awam, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Kastam.

Pengerusi jawatankuasa berkenaan, Datuk Lee Boon Peng memberitahu sidang akhbar di bangunan Parlimen di sini hari ini, kementerian dan jabatan lain yang tidak terlibat dalam penyiasatan itu adalah bertakut kepada urusan yang diluasi dengan Ketua Audit Negara.

Pegawai-pegawai Kanan Perbendaharaan dan Jabatan Akauntan Negara akan menemu jawatankuasa untuk memulakan siri penyiasatan itu, esok.

Datuk Lee Boon Peng yang juga Ahli Parlimen kawasan Mantin berkata, jawatankuasa telahpun memilih perkara-perkara untuk dibincangkan sebagaimana yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dengan lebih mendalam.

Katanya, walaupun laporan Ketua Audit Negara itu adalah bagi tahun 1977, tetapi laporan tersebut menunjukkan keadaan sebenar sehingga April 1978. Dalam penyiasatan tersebut, jawatankuasa akan menentukan keadaan sebenar masa kini.

Menurutnya lagi, sekiranya terdapat antara pegawai kementerian dan jabatan terlibat yang telah bertukar atau berara, jawatankuasa akan mencari mereka dan meminta penjelasan mengenai laporan akaun dalam tempoh perkhidmatan mereka.

Bellau berkata, laporan mengenai penyiasatan itu kemudian akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bellau juga menerangkan, penyiasatan yang sama akan juga dijalankan, sekiranya mempunyai masa yang cukup, terhadap badan-badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Persekutuan.

Bagaimanapun bellau memberitahu, jawatankuasa yang dilantik oleh Parlimen itu tidak ada kuasa membuat penyiasatan ke atas badan-badan yang ditubuhkan oleh Undang-undang Negeri.

Menurutnya, Pejabat Ketua Audit Negara telahpun mengambil langkah perlu untuk mempercepatkan penyediaan untuk mengemukakan laporan audit bagi tahun 1978, 1979 dan 1980.

Laporan bagi tahun 1978 dan 1979 sedang disiapkan dan mungkin dibentangkan di Parlimen tahun ini atau awal tahun depan.

Akaun-akaun 1980 sedang diaudit dan semua jabatan telahpun dimaklumkan mengenai pandangan Ketua Audit Negara mengenai akaun-akaun 1980.

Jawatankuasa itu berharap kementerian dan jabatan berkenaan mengambil tindakan dan langkah-langkah perlu berikutan dengan pandangan awal Ketua Audit Negara supaya dapat mengatasi masalah dan kesilapan yang berlaku.

Tindakan

Datuk Lee Boon Peng berkata, jawatankuasa sedar bahawa laporan audit tahunan kerap kali menyebut tentang penyiasatan akaun yang tidak memuaskan di dalam kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Pegawai-pegawai akaun haruslah mengambil tindakan segera untuk memulihkan keadaan.

Antara ahli-ahli jawatankuasa itu ialah Encik Mohd. Bakri bin Abdul Rasis sebagai Naib Pengerusi, Datuk Hishamuddin bin Yahaya, Encik Au How Cheong, Encik Acharul Abidin bin Haji Abd. Rahim, Datuk Leonard Linggi anak Jugh, Encik Mohd. Zain bin Abdullah, Haji Am-

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 12,904
No. Penerimaan 4217/87